



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (17)d/m.JK/MA 38/3

Tarikh: 10 Oktober 1996

Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi
Malaya/Sabah dan Sarawak

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen

Yang Arif/Tuan/Puan

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA BILANGAN 4/1996
PENDAFTARAN KES-KES SIVIL DI MAHKAMAH TINGGI
DAN MAHKAMAH SESYEN**

Saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa untuk mengelakkan tohmahan yang mengatakan peraturan sekarang membolehkan seseorang peguam memilih Hakim untuk membicarakan kes-kesnya, Y.A.A. Ketua Hakim Negara telah mengarahkan supaya peraturan berikut dikuatkuasakan mulai 4.11.1996.

2. Apabila sesuatu Writ difailkan, nombor kes akan dicatitkan untuk pengeluaran resit kepada plaintif.
3. Di sesuatu bandar di mana terdapat lebih daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi, semua Writ yang diterima pada hari Isnin hingga hari Sabtu (satu minggu) hendaklah dikumpulkan, dan pada hari Isnin berikutnya dibahagi kepada Hakim-Hakim seperti contoh yang berikut -

Contoh:

Jika bilangan Writ yang diterima dalam satu minggu ialah 22 untuk diagih antara 3 Hakim, kes pertama difail pada hari Isnin akan dicatitkan dengan angka '1' di sudut atas sebelah kanan, kes yang ke dua, dicatitkan angka '2' dan begitulah seterusnya dan kes yang akhir difail pada hari Sabtu dicatitkan angka '22'.

Kerani pendaftaran fail akan mengikat fail-fail itu menjadi 3 ikatan, iaitu ikatan pertama mengandungi kes angka '1' hingga '7', ikatan kedua mengandungi kes angka '8' hingga '14', dan ikatan ketiga mengandungi angka '15' hingga '21'. Kes angka '22' akan dijadikan kes angka '1' bagi minggu berikutnya.

- 2 -


Kerani fail akan membawa ketiga-tiga ikatan itu ke Kamar Hakim Kanan pada hari Isnin jam 8.30 pagi, di mana ketiga-tiga Hakim akan memilih satu daripada 3 ikatan untuk beliau membicarakannya.

4. Pengagihan Petisyen, Saman Pemula, Motion, Rayuan dan lain-lain permohonan hendaklah dijalankan seperti yang dibuat bagi Writ.
5. Arahan ini juga dipakai bagi pembahagian kes-kes di Bahagian Dagang, Sivil dan Rayuan di Kuala Lumpur.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(**MUHAMAD HÉRÉS BIN MUHAMAD RAPEE**)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching
Sarawak.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur.

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
93506 Kuching
Sarawak.